

02/10/2002

Calon Barisan diumumkan hari ini

Lichong Angkui, Shamsul Kamal Amarudin; Thaddius Unip
KOTA KINABALU, Selasa - Barisan Nasional (BN) sudah memilih calon untuk bertanding pada pilihan raya kecil Parlimen Gaya, 12 Oktober ini dan pengumuman rasmi mengenainya akan dibuat pagi esok.

Pemilihan calon dicapai dalam perbincangan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; dan Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Chong Kah Kiat di Putrajaya, pagi ini.

Ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu setibanya dari Kuala Lumpur petang ini, Chong mengesahkan calon BN sudah diputuskan pada perbincangan mereka bertiga.

"Kita sudah memutuskan siapa calon dan Perdana Menteri memberi mandat kepada saya untuk membuat pengumuman rasmi pagi esok," katanya sambil menjelaskan pada pertemuan itu mereka turut membincang mengenai isu politik Sabah secara keseluruhan.

Beliau berkata, BN Sabah akan bermesyuarat mulai jam 10 pagi esok untuk membincang soal persiapan jentera BN menghadapi pilihan raya kecil Gaya yang penamaan calonnya ditetapkan Khamis ini.

Chong bagaimanapun tidak menyatakan nama calon berkenaan.

Ditanya dari parti mana calon berkenaan, beliau berkata: "Parti Barisan Nasional...esok saya akan umum".

Sementara itu, Berita Harian difahamkan BN mungkin mengekalkan kerusi Gaya kepada Parti Maju Sabah (SAPP) pimpinan Datuk Yong Teck Lee untuk mempertahankan kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya negeri lalu.

Sumber menyebut, SAPP menamakan Naib Presidennya, Liew Teck Chuan, yang juga Ketua SAPP bahagian Likas sebagai calonnya.

Parlimen Gaya kosong selepas Yong hilang kelayakan berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 3 September lalu yang mengekalkan keputusan Mahkamah Rayuan sebelum itu.

Pada 6 Jun lalu, Mahkamah Rayuan menolak rayuan Yong yang sebelum ini didapati bersalah melakukan perbuatan rasuah mengikut peruntukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, sekali gus menjejaskan kedudukannya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Likas dan Ahli Parlimen Gaya.

Kawasan Parlimen Gaya - merangkumi Dewan Undangan Negeri (DUN) Likas dan Inanam - mempunyai 49,427 pengundi, termasuk 76 pengundi pos. Penamaan calon ditetapkan Khamis ini, manakala pengundian 12 Oktober.

Kepada soalan lain, Chong berkata, Lembaga Pengampunan Negeri sudah bersidang dan membuat keputusan berhubung permohonan Yong untuk mendapatkan pengampunan terhadap keputusan mahkamah itu.

"Saya percaya Yong sudah dimaklumkan menerusi saluran rasmi berhubung keputusan Lembaga Pengampunan Negeri," katanya, sambil menjelaskan tidak perlu membuat pengumuman rasmi berhubung keputusan itu.